

Grammar school boy who became Britain's worst paedophile: Pervert, 30, abused HUNDREDS of young victims at Christian orphanages across south-east Asia - but why did UK police not raise the alarm?

Richard Huckle faces life in jail for prolific child abuse in Malaysia



NEWS Richard Malaysian

Fardy Bunga dan Mohamad Azim Fitri Abd Aziz am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah menerima maklumat daripada pihak berkuasa United Kingdom (UK) berhubung kes seorang lelaki warga Britain yang dituduh melakukan serangan seksual terhadap 200 kanak-kanak di Malaysia.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim berkata, pihak PDRM masih kekurangan maklumat disebabkan tiada laporan rasmi daripada mangsa di negara ini.


Bagaimanapun, PDRM sedang berkerjasama dengan pihak berkuasa di negara itu untuk bertukar maklumat bagi membantu siasatan lanjut berhubung kes berkenaan.

"Saya menyeru ibu bapa atau mangsa supaya tampil membuat laporan polis dan memberi maklumat bagi membantu siasatan.

"Berdasarkan laporan yang diterima itu, polis boleh menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa United Kingdom untuk bukti-bukti pendakwaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, PDRM memantau perkembangan kes itu kerana ia membabitkan mangsa rakyat Malaysia.

"Kita minta mereka (mangsa) membuat laporan dengan kadar segera untuk mempercepatkan lagi siasatan," katanya.



HUCKLE bergambar bersama dua mangsanya di negara ini.

Lelaki cabul 200 budak Malaysia

Polis minta ibu bapa mangsa buat laporan bantu pihak UK buat siasatan kes 'guru' pedofil

Richard Huckle, seorang guru Kristian yang alim, mat mengambil gambar

tan sebelum disalurkan kepada pihak pendakwaan UK," katanya.

Dalam laporan Daily Mail semalam, seorang lelaki Britain menghadapi 22 tuduhan yang membawa hukuman penjara seumur hidup kerana jenayah seks terhadap sehingga 200 kanak-kanak di Malaysia selama sembilan tahun antara 2006 hingga 2014.

Richard Huckle, 30, dari Ashford, Kent, yang menyasarkan kanak-kanak miskin Kristian di Malaysia, mengaku melakukan kesalahan itu terhadap kanak-kanak perempuan dan lelaki berusia muda enam bulan sehingga 12 tahun termasuk merogol, serangan seksual dan aktiviti seks dengan kanak-kanak.

Kes ini hanya baru boleh dilaporkan media buat pertama kali semalam, selepas Hakim Peter Rook membatalkan larangan sekatan itu ketika permulaan perbicaraan bagi menjatuhkan hu-

kuman terhadap Huckle. Pihak pendakwa memerlukan masa lebih sejam untuk membacakan semua tuduhan itu ketika kes diperdengarkan buat pertama kali sebelum ini.

Perbicaraan untuk menjatuhkan hukuman terhadapnya di Old Bailey bermula semalam, dan dijangka selesai esok.

Setakat ini, pasukan pendakwaan Britain berjaya mengemukakan 91 tuduhan membabitkan 23 kanak-kanak, 22 dari Malaysia serta seorang dari Kemboja dan Huckle mengaku terhadap 71 pertuduhan berkenaan.

Selepas jurugambar bebas itu ditahan di Lapangan Terbang Gatwick, Britain, oleh anggota Agensi Keselamatan Kebangsaan (NSA) pada Disember 2014, polis menemui 20,253 gambar dan video aktiviti seksnya dengan mangsa dalam komputer riba dan pemacu mudah alih.

Lelaki itu yang menggambar-barkan dirinya sebagai pe-

nganut Kristian yang alim, pertama kali datang ke Malaysia ketika dia berusia 18 atau 19 tahun pada 2005 sebagai guru sukarela bahasa Inggeris. Setahun kemudian di ke Kemboja dan merakam gambar tidak senonoh kanak-kanak berusia tiga tahun ketika tinggal bersama keluarga mangsa.

Dia kembali ke Malaysia pada 2006 dan mula menjadikan dua beradik perempuan berusia empat dan enam tahun sebagai mangsa seksualnya serta merakam gambar mereka sebelum pulang ke Britain.

Pada 2007 dia tinggal bersama keluarga dua beradik ketika bekerja sebagai guru di satu perkampungan dan mereka menjadi hamba seksnya sehingga dia ditahan pada 2014.

Pada 2010 Huckle datang lagi Malaysia sebagai pelajar di sebuah kolej dalam bidang teknologi maklumat dan bekerja sebagai jurugambar bebas, menawarkan khid-

mat mengambil gambar majlis hari jadi kanak-kanak.

Huckle mendapat kepercayaan keluarga Kristian miskin di Kuala Lumpur sebagai guru tuisyen dengan lima kanak-kanak yang menjadi mangsanya tinggal di rumah kebajikan.

Melalui laman web untuk lucu kanak-kanak terbesar dunia yang tersembunyi dan mempunyai 9,000 ahli itu, Huckle menyiarkan dengan lengkap bagaimana dia menjerat mangsa serta memuat naik ratusan gambar termasuk video dia merogol mangsa.

Dalam komputernya polis menemui manual bertajuk 'Paedophiles And Poverty: Child Lover Guide' ditulis Huckle untuk dimuat naik ke laman web berkenaan, dengan bangga menceritakan kejayaan membentuk seorang budak perempuan tiga tahun untuk patuh kepadanya seperti anjing peliharaan.